

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 7 (6)

Tarikh : 14 Mei 2018

Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Y.H / Dato' / Y. Bhg. Datin / Prof Madya / Dr.Tuan / Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL.4 TAHUN 2018: PINDAAN WAKTU  
BEKERJA BAGI BULAN RAMADAN 1439 H / 2018 M**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas,

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP.Bil 4. Tahun 2018 mengenai Pindaan Waktu Bekerja Bagi Bulan Ramadan 1439 Hijrah / 2018 Masihi untuk makluman dan tindakan tuan/ puan selanjutnya.

3. Dimaklumkan bahawa waktu rehat bagi pelaksanaan waktu bekerja bulan Ramadan 1439 Hijrah / 2018 Masihi ditetapkan kepada jam 1.00 petang berbanding jam 1.30 petang sebagai menyokong program tadarus anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dan memudahkan staf untuk solat berjemaah.

...1/2

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 7 (6)

4. Pihak universiti mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan semoga kemudahan yang diberikan akan dimanfaatkan sepanjang bulan Ramadan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,



**(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)**

Pengurus  
Bahagian Khidmat Pengurusan

s.k :

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor ( Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor ( Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor ( Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan  
Ketua Pustakawan

SBI/ide/wbbpuasa2018

**PEKELILING PENTADBIRAN BIL.4 TAHUN 2018**

Adalah dimaklumkan bahawa umat islam di Malaysia dijangka akan menyambut bulan Ramadan 1439 Hijrah mulai 17 Mei 2018 2017 bersamaan hari Khamis. Sehubungan dengan itu, pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju agar waktu bekerja yang sedang berkuat kuasa ketika ini dipinda sesuai dengan pemakainya dan tertakluk hanya sepanjang bulan Ramadan 1439 Hijrah sahaja.

2. Pindaan waktu bekerja adalah seperti berikut :

<b>Waktu Berperingkat</b>	<b>Hari</b>	<b>Waktu Bekerja</b>	<b>Waktu Rehat</b>	<b>Waktu Bekerja</b>	<b>Tempoh Waktu Bekerja Sehari</b>
WP 1	Isnin - Khamis	7.30 pagi - 1.00 petang	1.00 petang -1.30 petang	1.30 petang - 4.00 petang	8 jam (tidak termasuk waktu rehat)
	Jumaat	7.30 pagi - 12.30 tengahari	12.30 tengahari - 2.30 petang	2.30 petang - 4.00 petang	6 jam 30 minit (tidak termasuk waktu rehat)
WP 2 dan WP 3	Isnin - Khamis	8.00 pagi - 1.00 petang	1.00 petang -1.30 petang	1.30 petang - 4.30 petang	8 jam (tidak termasuk waktu rehat)
	Jumaat	8.00 pagi - 12.30 tengahari	12.30 tengahari - 2.30 petang	2.30 petang - 4.30 petang	6 jam 30 minit (tidak termasuk waktu rehat)

3. Pindaan waktu ini akan melibatkan staf UMP dapat pulang 30 minit lebih awal dengan pindaan waktu rehat setiap staf akan dipendekkan dari 1 jam kepada 30 minit sahaja. Pindaan waktu ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

- a) Waktu bekerja ini adalah terpakai bulan Ramadan 1439 H / 2018 M sahaja
- b) WP3 adalah dipinda mengikut waktu bekerja WP2 seperti jadual diatas
- c) Waktu bekerja ini berkuatkuasa mulai 17 Mei 2018 (1 Ramadan 1439 H) dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadan 1439 H / 2018 M

4. Pihak universiti mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan semoga kemudahan yang diberikan akan dimanfaatkan sepanjang bulan Ramadan ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



**(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)**

Pengurus  
Bahagian Khidmat Pengurusan

s.k :

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor ( Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor ( Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor ( Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan  
Ketua Pustakawan

SBI/ide/wbbpuasa2018